

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96**

Oktobre 1995

PDP 491 - Kaedah Mengajar Ekonomi I

Masa: [3 jam]

Jawab TIGA semuanya. Soalan No. 1 dan No. 2 MESTI DIJAWAB

1. a) Bincangkan bagaimana penawaran mata pelajaran Ekonomi Asas di peringkat sekolah menengah bersesuaian dengan wawasan negara. Perbincangan hendaklah meliputi aspek-aspek:
 - i) matlamat
 - ii) objektif
 - iii) pengagihan tajuk-tajuk
 - iv) peruntukan masa
 - v) kesesuaianya dengan Falsafah Pendidikan Negara dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah.[20 markah]

- b) Bincangkan pelbagai masalah yang anda jangkakan wujud dalam melaksanakan tugas mengajar mata pelajaran ini. Berikan saranan-saranan untuk mengatasi masalah-masalah yang anda nyatakan.[20 markah]

2. a) "Corak pengajaran masa kini berbeda dengan corak pengajaran masa lampau. Berbagai perkara perlu diamalkan semasa mengajar mata pelajaran Ekonomi Asas ini". Bincangkan.[20 markah]

- b) Kemukakan satu contoh langkah-langkah pengajaran mata pelajaran Ekonomi Asas selama 40 minit untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran sepertimana yang dibincangkan di atas.[20 markah]

...2/-

- 2 -

3. Bincangkan tentang betapa perlunya Guru Ekonomi Asas memahami proses pembelajaran agar dapat melaksanakan sesuatu terhadap pelajar-pelajarnya.

[20 markah]

4. Bincangkan peranan serta kepentingan penilaian dalam proses pengajaran-pembelajaran Ekonomi Asas. Cadangkan cara-cara dan bentuk penilaian yang boleh dilaksanakan oleh seseorang guru mata pelajaran Ekonomi Asas.

[20 markah]

-oooOooo-